

0946

U 6743 A A B  
MAHATHIR - THATCHER

I

KUALA LUMPUR, 17 OKT (BERNAMA) -- MALAYSIA DAN BRITAIN HARI INI MENANDATANGANI PERJANJIAN DUA HALA UNTUK SALING MEMBANTU DALAM PENYIASATAN MEMBABITKAN KESALAHAN DADAH SERTA MERAMPAS HARTA PENGEDAR-PENGEDAR DADAH, YANG DIDAPATI BERSALAH DISALAH SEBUAH NEGARA BERKENAAN.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN RAKAN SEJAUATANNYA DARI BRITAIN, PUAN MARGARET THATCHER MENANDATANGANI PERSETUJUAN ITU, DI SINI.

PUAN THATCHER YANG TIBA DISINI HARI INI UNTUK MENGHADIRI MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM), YANG BERMULA ESOK, SEBELUM ITU MENGADAKAN RUNDINGAN DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR DI PEJABATNYA, DI SINI.

PERJANJIAN ITU, YANG BERTUJUAN MEMBANTERAS JENAYAH ANTARABANGSA DAN PENGEDARAN DADAH, JUGA MEMBENARKAN TINDAKAN BERSAMA DIADAKAN UNTUK MENGESAN, MEMBEKU DAN MERAMPAS HARTA YANG DIPEROLEHI MENERUSI PENJUALAN DADAH.

KETIKA BERUCAP SELEPAS MAJLIS RINGKAS ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PERJANJIAN ITU AKAN DIJADIKAN SEBAGAI AMARAN KEPADA PENGEDAR DADAH BAHAWA MEREKA TIDAK MEMPUNYAI TEMPAT UNTUK BERSEMBUNYI. -- LAGI

2034MST 17 10 89

0947

U 8744 AAB  
MAHATHIR - THATCHER 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA PERJANJIAN ITU BUKAN SAHAJA MENCATAT ERA BARU DALAM USAHA PELBAGAI HALA MELAWAN GEJALA DADAHOLEH MALAYSIA DAN BRITAIN TERUTAMA DIBANGSA-BANGSA BERSATU TETAPI JUGA SATU LANGKAH KE HADAPAN DALAM MENERATKAN LAGI HUBUNGAN DUAHALAANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

PUAN THATCHER? KETIKA BERUCAP MENYIFATKAN PERJANJIAN HARI INI SEBAGAI BEGITU BERMAKNA TERUTAMA HENJELANG CHOGM.

PERJANJIAN DENGAN MALAYSIA ITU IALAH YANG KE-10 BAGI BRITAIN, DAN YANG PERTAMA DENGAN SEBUAH NEGARA ASIA. SEBELUM INI, BRITAIN TELAH MENANDATANGANI PERJANJIAN YANG SERUPA DENGAN ANGUILLA, AUSTRALIA, BAHAMAS, BERMUDA, KANADA, NIGERIA, SEPANYOL, SWITZERLAND DAN AMERIKA SYARIKAT.

PUAN THATCHER BERKATA, PERJANJIAN ITU JELAS MENUNJUKKAN KESUNGGUHAN KERAJAANNYA UNTUK MEMBANTERAS KEGIATAN PENCEDAR-PENGEDAR DADAH.

MALAYSIA MEMPUNYAI PERJANJIAN YANG SERUPA DENGAN SINGAPURA DAN THAILAND DAN SEDANG BERUNDING DENGAN ARAB SAUDI DAN AMERIKA SYARIKAT UNTUK MENGADAKAN PERJANJIAN SEPERTI ITU.

KERAJAAN MALAYSIA TELAH MEMPERKENALKAN AKTA DADAH BERBAHAYA (PERLUCUTAN HARTA) 1988 YANG MEMBOLEHKANNYA MENGADAKAN PERJANJIAN SALING BANTU MEMBANTU DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN DALAM MEMBANTERAS GEJALA ITU. -- BERNAMA

2036MST 1710 89